

RUMINAN DAN KECACINGAN. v1

Oleh
Dr. Donny Yawah
Untuk
www.dodon.org
Laman Web Penternakan©

Gusi pucat
Perut buncit
Kuat makan tapi kurus
Bulu kusut
Diarea (Berak cair)
Bengkak bawah dagu



Bottle Jaw atau bengkak bawah dagu merupakan indikasi kecacingan pada ternakan.

Senarai dan gambar di atas merupakan tanda-tanda ketara masalah kecacingan pada ternakan. Ternakan yang mengalami kecacingan boleh menunjukkan kesemua tanda tersebut atau sebahagian daripadanya. Kecacingan merupakan masalah biasa yang dihadapi oleh penternak yang mengamalkan sistem pemeliharaan ekstensif, semi intensif dan integrasi. Masalah ini dikatakan penting kerana ia boleh menyebabkan kemerosotan produksi ladang akibat kematian ternakan.

Kecacingan pada ruminan adalah disebabkan oleh serangan cacing daripada kumpulan *nematode*, *cestode* dan *trematode* terutamanya *haemonchus contortus*, *Trychostrongylus*, *oesophagostomum*, *cooperia* dan *strogyle* lain.

Tanda-tanda awal ternakan mengalami kecacingan adalah pucat, bulu kusut dan diarea (berak cair), diikuti tanda perut buncit, bengkak bawah dagu dan kurus. Sekiranya ternakan tidak dirawat ia akan menjadi lemah dan akhirnya mati.

Pengesahan kecacingan boleh dilakukan dengan ujian pengiraan telur cacing pada tinja ternakan yang disyaki mengalami kecacingan. Untuk tujuan ini sampel tinja yang segar perlu diambil daripada rektum ternakan secara individu. Sekiranya melakukan saringan kecacingan keatas sekelompok ternakan, ambil sampel tinja sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah ternakan. Ternakan yang menunjukkan kiraan telur cacing melebihi 500 epg (*egg per gram*) perlu diberikan rawatan dengan menggunakan ubat nyahcacing yang disyorkan.

Pencegahan kecacingan

Kerugian akibat kematian ternakan dapat dielakkan sekiranya pencegahan kecacingan dilakukan secara sistematik. Beberapa teknik pencegahan yang boleh diamalkan iaitu:

1. Program nyahcacing
2. Ragutan pusingan (*Rotational Grazing*)
3. Pemilihan sistem pemeliharaan
4. Pemilihan Baka yang tahan lasak

Teknik 1: Program nyahcacing

Ubat nyahcacing diberikan kepada ternakan yang berumur 6-8 minggu dan keatas. Sekiranya ternakan baru pertama kali diberikan nyahcacing, ulangi pemberian ubatnyah cacing selepas 3 minggu.

Kekerapan pemberian ubat nyahcacing untuk pencegahan kecacingan adalah bergantung kepada sistem pemeliharaan yang dijalankan, keadaan ladang, keputusan saringan tinja dan bilangan kes kecacingan. Bagi ladang yang mengamalkan sistem lepas-bebas (ekstensif), pemberian ubat nyahcacing perlu dilakukan lebih kerap (setiap 2-3 bulan) kerana ternakan sentiasa terdedah kepada L3 (larva cacing peringkat 3). Manakala ladang yang mengamalkan sistem intensif atau semi intensif, program nyahcacing boleh dilakukan setiap 4 bulan. Kekerapan program nyahcacing boleh dikurangkan sekiranya sistem ragutan pusingan diamalkan dengan betul.

Pemberian ubat nyahcacing boleh dilakukan secara suntikan (Ivermectin®), oral/minuman (Levamisole) dan *pour-on* (Cydectine®)




Oral /minum



Suntikan

Teknik 2: Ragutan pusingan (*Rotational Grazing*)

Pengawalan kecacingan melalui sistem ragutan pusingan boleh diamalkan sekiranya mempunyai kawasan ragutan yang luas dan bersesuaian dengan bilangan ternakan. Melalui sistem ini, kawasan ragutan dibahagikan kepada beberapa padok (sekurang-kurangnya 8 padok). Ternakan kemudian dilepaskan meragut selama 3-4 hari bagi setiap padok bermula di padok pertama (no.1) hinggalah ke padok terakhir (no.8) kemudian kembali ke padok no. 1 (selepas 30 hari). Melalui sistem ragutan pusingan ini kitar hidup cacing dapat dikawal. Kitaran hidup cacing adalah 21 hari.



Konsep sistem ragutan pusingan. Meragut selama 3-4 hari disetiap padok dan kembali ke padok pertama selepas 30 hari.

Teknik 3: Sistem pemeliharaan.

Ternakan yang dipelihara secara ekstensif dan semi-intensif mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk mengalami masalah kecacingan berbanding ternakan yang dipelihara secara intensif. Ini kerana ternakan sentiasa terdedah kepada L3 cacing semasa meragut di padang ragut. Walau bagaimanapun masalah ini boleh diatasi

dengan mengamalkan sistem pusingan ragutan yang betul. Bagi penternakan secara fidlot, nyahcacing boleh diberikan sekali sahaja iaitu pada minggu pertama ternakan diterima dan hanya diulangi selepas 3-4 minggu pada ternakan yang didapati menunjukkan kiraan telur cacing yang tinggi (selepas saringan kecacingan dilakukan). Ternakan yang dipelihara secara fidlot mempunyai risiko kecacingan yang rendah berbanding secara ekstensif/semi-ekstensif kerana ternakan tidak terdedah secara terus kepada larva cacing.

Teknik 4: Baka yang tahan kecacingan.

Semua baka boleh mengalami kecacingan.

Salah satu kriteria pemilihan baka yang perlu diambil kira adalah mempunyai ketahanan terhadap penyakit termasuklah kekebalan terhadap jangkitan cacing. Baka tempate yang diimport mempunyai produksi yang tinggi namun selalunya tidak tahan terhadap penyakit seperti kecacingan. Pemeliharaan baka sebegini pasti memerlukan pencegahan kecacingan yang lebih kerap. Keadaan ini akan meningkatkan kos pengurusan ladang. Oleh itu baka tempatan dan kacukan adalah disyorkan. Baka kambing yang dicadangkan adalah katjang, katjang kacukan, boer, jamnapari, sannen, kalahari dan lain-lain. Baka lembu yang dicadangkan pula ialah Kedah-kelantan, brahman, charolis, mafriwal, Freshien-sahiwal, draughmaster dan lain-lain.

Kesimpulan

Tiada satu teknik yang boleh mengatasi kecacingan secara efektif. Cara terbaik adalah dengan mengamalkan kesemua teknik-teknik yang telah dibincangkan. Bermula dengan memilih baka yang tahan kecacingan, mengamalkan sistem pemeliharaan yang terbaik, memasukkan program nyahcacing dalam jadual kesihatan gerompok, melakukan saringan kecacingan (untuk mengetahui tahap bebanan cacing) dan melakukan program nyahcacing secara teratur serta mengamalkan sistem ragutan pusingan yang betul.

Teknik-teknik yang dibincangkan dalam artikel ini adalah hanya sebagai panduan semata-mata dan ditulis mengikut pengalaman serta kajian penulis sendiri. Cadangan penambahbaikan adalah amat dialu-alukan. Terima kasih kerana membaca artikel ini.